

JURNAL PERADABAN

Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban

Universiti Malaya

JILID 8

2015

Pusat Dialog Peradaban

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur

MALAYSIA

JURNAL PERADABAN

Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban

Jilid 8, 2015

Ketua Penyunting

Profesor Madya Dr. Faridah Noor binti Mohd Noor
Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya

Penyunting Mengurus

Dr. Shahreen Mat Nayan (sehingga 1 September 2015)
Timb. Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya

Dr. Zuwati Hasim (mulai 20 November 2015)

Timb. Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya

Penyunting Eksekutif

Profesor Emeritus Dr. Shaharir bin Mohamad Zain
Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya

© Pusat Dialog Peradaban, 2015

Hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada Ketua Penyunting.

Panel Penyunting Rundingan

Sarjana Dalam Negara

Profesor Dr. Ahmad Murad Merican

Universiti Teknologi Petronas, Bandar Seri Iskandar, Perak

Profesor Dr. Amri Marzali

Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Universiti Malaya

Profesor Datin Dr. Azizan Binti Baharuddin

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia

Profesor Dr. Chandra Muzaffar

Presiden Yayasan 1 Malaysia

Profesor Dato' Dr. Hussein Hj. Ahmad

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Dr. Lukman Thaib

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Profesor Dr. Mohamed Aslam Haneef

Kuliyah Ekonomi dan Pengurusan Sains, Universiti Islam

AnInternational Islamic University Malaysia

Profesor Emer. Datuk Dr. Nik Safiah Nik Karim

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Sarjana Luar Negara

Dr. Bambang Budi Utomo

Pusat Arkeologi Nasional, Jakarta, Indonesia

Profesor Dr. Cai Jin Cheng@ Gunawan

Guangdong University of Foreign Studies Guangzhou, China

Profesor Dr. Arndt Graf

Goethe-University Frankfurt, Germany

Profesor Dr. Koh Young Han
Hankuk University of Foreign Studies, Seoul Korea

Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar
Director, Sultan Omar ‘Ali Saifuddien Centre For Islamic Studies
Universiti Brunei Darussalam

Dr. Tabroni
Universitas Pancasila, Jakarta Selatan, Indonesia

Profesor Dr. Toru Ueda
Faculty of Foreign Languages, Setsunan University

Profesor Dr. Zhang Yu An
Academy of Oriental Studies, Peking University Beijing China

Pengurus Penerbitan
Nur Shahidah Abu Hanifah

Pengurus Jualan & Pemasaran
Rozita Shaari
dialog@um.edu.my
<http://dialogue.um..edu.my>

Kandungan

Jilid 8

2015

ISSN 1985-6296

Sekapur Sirih

ix-x

Sebuah Analisis Tentang Pendekatan Kajian R. O.

1

Winstedt Terhadap Islam di Tanah Melayu

Mohd Farhan Abd Rahman, Rohailin Zainon & Nor

Adina Abdul Kadir

Pendidikan Karakter dalam Perspektif Psikologis

19

Siswa Sekolah Menengah Pertama di Era Globalisasi

dan Multikultural

Agustinus Hermino

Penilaian Abang Yusuf Puteh Terhadap Budaya

41

Kepimpinan Melayu Sarawak, 1970-1996

Awg Kasmurie bin Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor &

Suffian Mansor

Teknologi dan Strategi Peperangan Orang Minang

69

Muhamad Shafiq bin Mohd Ali

Ulasan Buku

Rehlah ke Dunia Sains Islam Purwanto bersama

83

Ayat-Ayat Semestanya

Shaharir b.M.Z

Garis Panduan Penyumbangan Makalah

99

SEKAPUR SIRIH

Jurnal Peradaban merupakan satu platform untuk kita berdialog tentang pelbagai isu berdasarkan pengamatan dan penilaian yang kritis oleh penulis-penulis. Jurnal Peradaban merupakan terbitan tahunan yang berwasit oleh Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, yang menyiarakan makalah yang berfokus kepada dimensi peradaban.

Pada kali ini jurnal yang berwasit ini telah berjaya menghimpunkan sebanyak empat buah makalah yang membicarakan pelbagai isu berkaitan budaya dalam pemikiran, pendidikan dan teknologi globalisasi mengikut bidang kepakaran masing-masing. Isu kali ini juga dipadatkan dengan satu ulasan buku.

Mohd Farhan Abd Rahman, Rohailin Zainon dan Nor Adina Abdul Kadir telah membentangkan hasil kajian berkenaan pendekatan orientalis yang digunakan oleh Windstedt dalam pemahamannya terhadap Islam di Malaya dalam usaha kuasa Barat menguasai budaya dan agama dunia Timur melalui pemikiran masyarakat. Dalam makalah ini, penulis memberikan konteks mengenai Winstedt dan pemikirannya agar pembaca dapat mengikuti skop analisis yang dijalankan berasaskan beberapa karya pilihan - *The Malay: A Cultural History; Shaman, Saiva, and Sufi: A Study of Evolution of Malay Magic; History of Malaya; and Kitab Tawarikh Melayu*.

Awg Kasmurie bin Awg Kitot, Arba'iyah Mohd Noor, dan Suffian Mansor membicarakan budaya kepimpinan Melayu Sarawak yang menyorot kepada pimpinan Abang Yusuf Puteh. Makalah ini memberikan pendekatan naratif dengan memaparkan sejarah kepentingan Melayu Sarawak serta budaya kepimpinan mereka. Penilaian kepimpinan dalam makalah ini berdasarkan tiga hasil kerja Abang Yusof Puteh, iaitu: *The Malay Mind; River of Dry Tears; and Malay Politics & Perabangan* yang membentangkan kritikan terhadap budaya kepimpinan Melayu Sarawak dan memberi kupasan tentang faktor kepincangan dalam kemimpinan Melayu menjurus kepada sikap pemimpin itu sendiri.

Agustinus Hermino dalam makalahnya bertajuk ‘Pendidikan Karakter dalam Perspektif Psikologis Siswa Sekolah Menengah Pertama di Era Globalisasi dan Multikultural’ membincangkan perihal pendidikan karakter, khasnya dalam membentuk budi pekerti dalam kalangan pelajar. Penulis menekankan kepentingan usaha dalam meningkatkan kehidupan individu di era globalisasi melalui pendidikan karakter yang menyeluruh merangkumi keperibadian, pemikiran dan perilaku. Hasil kupasan beliau mengenai pendidikan karakter dari perspektif psikologi,

berasaskan beberapa konsep dan teori, membincangkan tentang kepentingan peranan guru dalam pendidikan karakter dan jaringan komuniti sekolah secara keseluruhan. Penulis juga menekankan tentang pembentukan dan pelaksanaan kurikulum yang seharusnya mengikut keperluan dan seiring dengan keadaan sekolah tersebut. Konteks yang diberikan penulis berdasarkan pendidikan di Indonesia, namun perbincangan mengenai pendidikan karakter boleh dikaitkan dengan konteks negara lain yang mempunyai kesamaan dan relevannya.

Muhamad Shafiq bin Mohd Ali menulis tentang teknologi dan strategi peperangan orang Minang berdasarkan kajian teks penulisan dari Barat. Makalah ini membentang fakta baharu berkenaan teknologi dan strategi perang orang Minang. Penulis melaporkan tentang kegiatan orang Minang membuat dan mengesport senapang beserta peluru dari abad ke-18 lagi melalui kemahiran menginovasikan senapang daripada negara China dan Turki. Dari segi teknologi benteng, mereka sememangnya pakar dalam pembinaan benteng yang kukuh dengan penggunaan hasil alam sekeliling. Beberapa strategi peperangan orang Minang didapati sukar untuk ditumpaskan oleh pihak lawan, mengikut hasil kajian yang dilaporkan dalam makalah ini.

Buku berjudul *Rehlah ke Dunia Sains Islam Purwanto bersama Ayat-Ayat Semestanya* oleh Purwanto telah diulas oleh **Shaharir Mohamad Zain**. Purwanto merupakan sarjana ternama dalam bidang fizik zarah/nukleus/mekanik kuantum di Indonesia. Pengulas berjaya membincarkan kandungan buku secara terperinci dan berpendapat bahawa kerja yang dilakukan oleh penulis dalam menterjemahkan dan mengupas ayat-ayat Al-Quran pilihan berkaitan sains adalah mengagumkan. Pengulas mencadangkan penulis perlu membincangkan dan mengupas lebih lanjut dan jitu mengenai Islam dan sains bagi penambahbaikan kandungan buku tersebut sebagai memenuhi gagasan pengIslamkan ilmu yang lebih bererti lagi.

Semoga makalah-makalah di dalam Jurnal Peradaban kali ini memberi sumbangan intelek dan mempertingkatkan pengetahuan dan ilmu yang dapat dikongsi bersama para sarjana tempatan, penyelidik, guru-guru dan dan masyarakat umum.

Dr. Zuwati Hasim
Penyunting Mengurus
Timbalan Pengarah, Pusat Dialog Peradaban
DIS 2015